

**KERTAS KERJA INI DIBENTANGKAN  
DI SEMINAR PERANCANGAN STRATEGIK 5 TAHUN  
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)  
PADA 6 NOVEMBER 2009**

# **MEMPERKASA PENGURUSAN ZAKAT DI WILAYAH PERSEKUTUAN**

Oleh:

**Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid**

## **Pendahuluan:**

Dalam usaha memperkasa pengurusan zakat di Wilayah Persekutuan sekarang, ada tiga aspek yang perlu dilihat dari tiga dimensi yang berbeza. Aspek-aspek tersebut ialah pungutan, pengagihan dan pentadbiran. Sementara dimensi-dimensinya pula ialah dasar, mekanisme dan pelaksanaan.

Sebelum itu perlu dijelaskan bahawa zakat bukan sahaja kewajipan agama tetapi juga tanggungjawab sosial. Ia dipungut daripada sumber harta dan pendapatan yang mampu berkembang dan dibelanjakan bagi tujuan khas. Dari segi ini tabungnya boleh disifatkan sebagai tabung kebajikan masyarakat dan bukannya perbendaharaan negara. Begitupun ia tetap bersifat sebagai dana awam yang sentiasa berkait rapat dengan kepentingan umum.

## **Dasar:**

Semua dasar yang mungkin dibentuk, samada berkait dengan penentuan sumber, kaedah pengagihan atau yang berkait dengan pentadbiran perlu tertakluk kepada kehendak Syariah sepenuhnya, sepertimana yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah. Dalam memahami kehendak Syariah huraian para fuqaha', samasa para fuqaha' zaman klasik atau para fuqaha' zaman baru perlu diambil kira. Walau bagaimana pun ia tidak mengikat apa-apa keputusan yang akan dibuat. Keputusan akan hanya berasaskan kehendak Syariah dengan mengambil kira keadaan dan keperluan semasa dan setempat. Sementara pandangan para fuqaha' hanya akan menjadi panduan semata-mata dalam mentafsir kehendak Syariah dan tidak lebih daripada itu.

Sehubungan dengan ini pihak perancang dasar perlu jelas tentang perbezaan di antara Syariah dan Fiqh. Kerana Syariah itu terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah, sementara fiqh pula adalah huraian para fuqaha' terhadap kehendak Syariah. Sementara kebenaran Syariah bersifat abslut dan mutlak, fiqh adalah sebaliknya. Kerana meskipun ia berteraskan Syariah tetapi di dalamnya sudah ada pengaruh intelektual para fuqaha' dan pengaruh zaman dan keadaan.

Dengan kata lain, dalam fiqh ada tiga unsur. Pertamanya unsur mutlak yang tidak berubah, iaitu Syariah. Sementara keduanya ialah unsur akal atau nilai intelektual para fuqaha' yang sentiasa tertakluk kepada perkembangan dan perubahan ilmu. Unsur ketiga pula ialah

persekitaran di mana fiqh itu terbentuk. Ia merupakan persekitaran hidup yang sentiasa berubah mengikut perubahan zaman dan keadaan. Berasaskan kepada sifatnya ini, fiqh perlu berubah dan perlu tertakluk kepada pendekatan semasa.

Sehubungan dengan ini perancang dasar perlu mempunyai paradigma baru dalam mentafsir maksud harta yang dikenakan zakat. Di Wilayah Persekutuan keadaannya cukup berbeza dengan keadaan di sebuah daerah pertanian di Kelantan atau Kedah misalnya. Apa lagi dengan Hijaz dan Iraq pada suatu zaman lampau yang dijadikan sebagai persekitaran kepada fiqh klasik. Malah mungkin juga berbeza dengan beberapa pandangan Yusuf al-Qaradhawi yang pemikiran dan fiqhnya banyak berlatarbelakangkan persekitaran hidup di Timur Tengah.

Dalam al-Quran tidak terdapat ketentuan secara *detail* tentang jenis harta yang dikenakan zakat, apalagi tentang syarat dan kadarnya. Sebaliknya huraian-huraian seperti itu terdapat dalam al-Sunnah. Apa yang disebut dalam al-Quran hanyalah beberapa jenis harta sebagai contoh, iaitu emas dan perak, hasil tanaman dan buah-buahan, hasil perniagaan dan hasil bumi, seperti logam dan sebagainya. Selain itu, ungkapan yang digunakan hanyalah “harta” secara umum.

Dalam menghuraikan maksud “harta “ sepertimana yang disebut oleh al-Quran, para fuqaha’ berbeza pendapat. Begitu juga dalam menentukan syarat pengenaan zakat berkenaan. Mereka juga

berbeza pendapat tentang maksud “pemilikan penuh atau sempurna” ke atas harta berkenaan sebagai syarat pengenaan zakat.

Di sebalik perbezaan pendapat ini timbul berbagai persoalan yang perlu dilihat dengan penuh halusi oleh para perancang dasar. Antaranya ialah apa konsep sebenarnya harta itu dalam realiti sebuah daerah maju seperti Wilayah Persekutuan sekarang ini? Konsep milik penuh dan tidak penuh pula bagaimana dalam realiti perdagangan sekarang? Apa keputusan yang perlu diambil terhadap harta atau pendapatan haram? Bagaimana pula dengan hutang? Begitu juga tentang harta dan pendapatan badan perniagaan yang ada kepentingan kerajaan (GLC)?

Selain itu para fuqaha’ juga berbeza pendapat tentang maksud “subur” yang menjadi syarat kepada hukum wajib zakat keatas mana-mana harta. Persoalan yang boleh timbul sekarang ialah apakah maksud nya “benar-benar subur dan berkemabang” atau sekadar mampu disuburkan sahaja? Apa hal pula kalau pelaburan berkenaan jatuh merudum tetapi masih cukup nisab?

Soal nisab juga boleh menimbulkan persoalan dalam realiti hidup dan kewangan sekarang ini. Apakah ia perlu bergantung kepada harga emas atau pasaran wang atau juga pasaran komoditi? Samalah juga dengan soal haul. Realitinya sekarang kira-kira perniagaan ditutup berdasarkan tahun Masihi. Selain itu ialah persoalan tentang kadar keperluan asas yang disebut oleh para fuqaha’ sebagai aras pelepasan zakat?

Persoalan boleh menjadi lebih rumit apabila perbincangan dibuat mengenai harta yang dikenakan zakat secara *detail*. Misalnya tentang zakat gaji dan upah, wang simpanan KWSP, wang hadiah tamat perkhidmatan dan sebagainya.

Semuanya ini perlu dijawab dengan penuh teliti, bukan sekadar oleh ustaz yang faham baca al-Quran dan al-Sunnah dan faham baca kitab. Kerjasama erat perlu diperolehi daripada ulama' bukan ustaz yang faham tentang realiti kewangan dan perdagangan dalam masyarakat semasa. Malah juga termasuk mereka yang faham tentang budaya hidup masyarakat kota termasuk hal mengenai gelagat peniaga dan pengguna.

### **Agihan:**

Tidak seperti tentang sumber, masalah agihan dijelaskan oleh al-Quran dengan secara ditil dan terperinci. Begitu pun al-Sunnah tetap memainkan peranannya yang tersendiri dalam memperincikan syarat dan kaedah bagaimana pengagihan itu perlu dilakukan.

Namun para fuqaha' masih juga berbeza pendapat dalam banyak hal. Kebanyakan perbezaan tersebut bukan kerana berbeza pendapat tentang maksud ayat atau hadis, tetapi berbeza tentang bagaimana direalisasikan kehendak nas berkenaan. Sebahagian daripadanya kerana mereka berhadapan dengan realiti hidup yang berbeza-beza.

Seawal menentukan siapa fakir dan siapa miskin para fuqaha' sudah berbeza pendapat. Selain itu mereka berbeza pendapat tentang kadar zakat yang perlu diberikan kepada mereka ini, dan bagaimana seharusnya pengagihan itu dilakukan?

Begitu juga tentang siapa sebenarnya yang dimaksudkan sebagai *al-mu'allafatu qulubuhum* oleh al-Quran. Apakah pentafsirannya perlu diperluaskan atau sebaliknya? Samalah juga dengan *Riqqab*, terutama dalam konteks sekarang ini. Pentafsirannya boleh diperluaskan, atau sebaliknya boleh dipersempitkan. Begitulah juga dengan *gharim* dan *Ibnu Sabil*.

Pentafsiran tentang maksud *Fi Sabilillah* juga berbeza-beza di antara berbagai mazhab, malah di antara berbagai para fuqaha' dalam mazhab yang sama. Apakah konsepnya perlu luas atau perlu dipersempitkan?

Semuanya ini membuka ruang bagi pentafsiran semasa dan setempat, dan memerlukan para perancang dasar lebih berhemah tinggi agar objektif sebenar Syariat Islam dalam mewajibkan zakat dapat dicapai sebaiknya. Sekali lagi tugas ini bukan sekadar perlu dipikul oleh para ustaz yang mampu memahami al-Quran dan al-Sunnah, dan mampu membaca kitab, tetapi juga para ulama' lain yang berkemampuan tinggi dalam memahami permasalahan masyarakat semasa termasuk dalam bidang ekonomi dan kewangan.

## **Mekanisme:**

Konsep asas tentang persoalan ini yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah ialah keperluan adanya pihak tertentu bagi pihak pemerintah yang menguruskan hal mengenai zakat ini. Pihak ini dikenali dengan *al-'Amiluna 'alaiha* yang diberi peruntukan khusus dalam kumpulan wang zakat dan tidak memerlukan kepada sumber lain.

Berbagai contoh amalan Rasulullah s.a.w. sendiri, juga para sahabat Baginda dalam merealisasikan konsep pengurusan dan pentadbiran seperti ini banyak terdapat dalam riwayat hadis dan athar yang banyak.

Namun semuanya ini tidak menghalang perbezaan pendapat di kalangan para fuqaha' samada yang hidup dalam zaman yang sama atau dalam zaman-zaman yang berlainan. Di antara perkara yang berbangkit dalam masalah ini ialah tentang kuasa pihak berkenaan dalam menentukan monopoli pungutan dan dalam bertindak terhadap pihak-pihak yang ingkar terhadap mana-mana arahan yang dibuat.

Satu persoalan lain ialah tentang prosedur pentadbiran itu sendiri dan bagaimana ia direalisasikan dalam semua urusan termasuk urusan pungutan dan pengagihan. Malah penglibatan alat teknologi dan komunikasi moden juga boleh menimbulkan persoalan yang perlu ditangani dengan baik dan cermat.



Selanjutnya ialah tentang pemindahan lebih zakat kepada daerah-daerah lain yang memerlukan, samada secara berterusan atau sekali-sekala. Masalah rekod, perlantikan agensi dan sebagainya.

Samalah juga dengan hal-hal di atas, aspek ini juga memerlukan kepakaran yang tinggi bagi meningkatkan lagi prestasi pengurusan agar ia dihormati oleh masyarakat sebagai badan yang cekap dan boleh dipercayai.

### **Pelaksanaan:**

Dalam aspek ini apa yang paling penting diberi perhatian oleh para perancang dasar ialah tentang objektif memfardhukan zakat itu sendiri dan bagaimana ia boleh dicapai sebaik mungkin.

Dalam al-Quran ada disebutkan, antara objektif zakat ialah untuk mempertingkatkan nilai spiritual para pembayar zakat itu sendiri dan untuk membersihkan harta serta pendapatan mereka dari sebarang kekotoran spiritual atau fizikal. Dari segi yang lain pula ialah untuk memenuhi keperluan berbagai kalangan masyarakat dan bagi mendokong prinsip pengagihan semula harta agar tidak terlonggok di tangan sesetengah orang atau kalangan sahaja.

Dengan kata lain, ia bukan sekadar melibatkan soal hak dan kewajipan di antara pemilik harta dan mereka yang memerlukan. Malah lebih daripada itu suatu skim kebajikan masyarakat yang

bertujuan, antara lain merapatkan jurang hidup di antara golongan kaya dan miskin, mewujudkan rasa hormat menghormati di antara berbagai kalangan dan sektor hidup dan masyarakat, membantu menghapuskan kemiskinan tegar, membantu menghapuskan gejala sosial, dan sebagainya.

Dalam melaksanakan semua ini fokus yang jelas perlu dibuat kepada objektif tadi sampai ia dapat berfungsi sebagai dana khas yang mempunyai perancangan jangka pendek dan jangka panjang yang jelas. Selain itu keyakinan orang ramai juga merupakan suatu faktor penting agar sokongan padu golongan penyumbang bukan sekadar berasaskan kepada komitmen agama tetapi juga penerimaan baik dan penghormatan terhadap usaha murni yang dilakukan. Malah, supaya golongan penerima juga dapat merasai segala faedah berkenaan sebagai manifestasi kepada kesatuan ummah yang sentiasa dipelihara demi kesejahteraan semua.

### **Titik Tolak:**

Kertas ini tidak akan mencadangkan banyak perkara agar diputuskan dalam perbincangan ini. Kerana apa pun juga isi yang terkandung di dalamnya ia tetap merupakan hasil pandangan akademik yang lebih bersifat garapan teori.

Sebaliknya kalangan perancang dasar sendiri perlu memikirkan bagaimana pengurusan zakat di Wilayah Persekutuan ini boleh diperkasakan. Kerana merekalah golongan profesional yang mampu

menterjemahkan teori akademik kepada realiti amalan. Apa yang mampu disumbangkan oleh kertas ini hanyalah titik tolak anjakan paradigma ke arah keputusan perancangan yang lebih terbuka dan rasional.

Bagaimanapun memandangkan perbezaan yang begitu ketara di antara hasil pungutan zakat perniagaan dan hasil pungutan zakat pendapatan, sepertimana yang terdapat dalam laporan zakat 2005 suatu persoalan perlu ditimbulkan di sini. Mengapa hal seperti ini boleh berlaku sedangkan secara logiknya perniagaan merupakan sumber kekayaan yang besar dalam daerah maju sepertimana di Wilayah Persekutuan ini.

Tentunya persoalan ini lahir bukan kerana dasar. Sebaliknya mungkin kerana mekanisme dan pelaksanaan. Bagi mengatasi hal ini satu semakan perlu dibuat terhadap cara zakat jenis ini dipungut. Besar kemungkinan kurangnya sikap pro-aktif di pihak yang dipertanggungjawab melaksanakan tugas ini merupakan sebab utama. Ini termasuk soal penyediaan data yang membolehkan para peniaga di seluruh Wilayah Persekutuan ini dihubungi.

Satu cara lain bagi mengatasi kelemahan ini ialah memberi tumpuan kepada apa yang disebut sebagai kutipan zakat korporat. Sebagaimana maklum, kemudahan pelepasan cukai yang diberikan oleh kerajaan terhadap pembayar zakat pendapatan merupakan sebab utama mengapa kutipan zakat jenis itu melonjak naik. Meskipun usaha ke arah itu sedang diperjuangkan untuk pembayar

zakat perniagaan namun kejayaan jangka pendek bagi usaha seperti itu sukar untuk diramalkan, terutama kerana ia boleh menyentuh banyak kepentingan kerajaan dalam bidang percukaian.

Zakat korporat bermaksud zakat yang dipungut daripada institusi-institusi perniagaan atas kedudukannya sebagai entiti bukan manusia. Sifatnya bukan zakat perniagaan mereka yang melabur dalam badan korporat berkenaan, tetapi sebaliknya zakat badan korporat itu sendiri sebagai suatu entiti yang tersendiri. Dari segi dasar ia tidak melanggar apa-apa kehendak Syariah. Sementara dari segi pelaksanaannya pula ia boleh mengelak daripada kesukaran menentukan nisbah pegangan orang Islam dalam syarikat berkenaan.

Selain itu kerjasama boleh diperoleh daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi mendapat akses kepada para peniaga kecil dan besar bagi tujuan memberi kesedaran terhadap kewajipan membayar zakat ini, termasuk juga di kalangan syarikat-syarikat besar yang mempunyai pegangan atau kepentingan kerajaan.

Dari segi pengagihan pula, satu nisbah tertentu wang lebihan zakat perlu ditetapkan. Tujuannya ialah untuk dilaburkan bagi faedah masa depan yang lebih kukuh. Satu tabung yang bertujuan untuk menghalalkan harta haram boleh ditubuhkan bagi tujuan menguasai harta-harta haram berkenaan untuk dihalalkan semula melalui proses mengembalikannya semula kepada masyarakat. Sebagai tabung awam masyarakat Islam seluruhnya, dana zakat boleh memainkan

peranan seperti ini. Di samping tujuan khusus sepertimana disebut di atas, usaha seperti itu boleh membantu usaha islamisasi dalam negara ini.

Dari segi pentadbiran pula, Wilayah Persekutuan patut mengambil contoh negeri-negeri yang lebih maju kedepan walaupun dulunya menjadi pengikut. Suatu semakan semula secara menyeluruh terhadap organisasi pentadbiran zakat di Wilayah Persekutuan ini perlu dilakukan bagi memenuhi keperluan berkenaan.

### **Penutup:**

Sepertimana disebut di atas, kertas ini tidak boleh dilihat sebagai kertas cadangan, apatah lagi panduan perancangan strategik yang memerlukan penilaian yang lebih komprehensif. Walau bagaimanapun ia boleh dilihat sebagai titik tolak kepada perubahan minda para perancang dasar agar mampu menilai dengan lebih bebas dan terperinci tentang keperluan semasa bagi memperkasa pengurusan zakat di Wilayah Persekutuan.

Adalah sangat berfaedah dalam situasi seperti ini untuk memahami realiti terlebih dahulu, dan kemudian baru membentuk idea tentang keperluan Syariah. Maksudnya tidak seperti amalan biasa yang memulakan penelitian terhadap kehendak Syariah terlebih dahulu berdasarkan pandangan para fuqaha', samada lama atau baru. Kerana kehendak Syariah tidak selalunya seperti yang digambarkan

oleh para ulama. Adakalanya ia jauh berbeza daripada apa yang dihuraikan oleh para ulama itu kerana realiti hidup memerlukan.

Selain daripada itu adalah baik untuk menerima hakikat bahawa kebijaksanaan seseorang perancang dasar Islam itu bukannya terletak pada setinggi mana keilmuannya tentang idealisme Islam, tetapi sebaliknya sejauh mana dia mampu merealisasikan idealisme itu dalam realiti yang ada. Untuk itu, objektif Syariah dalam menentukan sesuatu hukum dan nilai perlu diberi perhatian yang adil di samping pemerhatian yang diberikan kepada maksud arahan-arahan berkenaan secara lahirnya.

Wallahu a'lam